

MyAgrosis satukan penuntut USIM di Kemboja

PHNOM PENH 26 Okt. - Datang daripada latar belakang akademik yang berbeza tidak menghalang sekumpulan penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berganding bahu menjayakan misi kemanusiaan di Kemboja bersama sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Al-I'tisam Relief Program atau ARP bermula 21 Oktober lalu.

Bernaung di bawah Kelab MyAgrosis USIM, misi yang menggabungkan penuntut pelbagai fakulti termasuk Ekonomi dan Muamalat serta Undang-Undang Syariah itu julung kalinya diadakan di luar negara memfokuskan aktiviti pertanian kepada penduduk setempat khususnya di Kampung Ambel yang terletak kira-kira 300 kilometer dari bandar raya ini.

Selain memperkenalkan kaedah memproses baja kompos yang dihasilkan daripada najis lembu, penduduk setempat juga diajar untuk menghasilkan mikro organisma efektif (EM) atau *plant booster* iaitu teknik untuk menyuburkan serta memperbesar tanaman tanpa menggunakan bahan kimia khususnya kepada penduduk kampung yang bertani.

Menurut Presiden Kelab MyAgrosis, **Mohd. Naim Alimuddin**, 21, misi tersebut disifatkan berjaya kerana turut mendapat kerjasama baik khususnya daripada penduduk setempat yang majoritinya menyara kehidupan mereka sebagai petani.

"Saya percaya peserta program khususnya ahli Kelab MyAgrosis dapat meningkatkan kemahiran masing-masing dalam bidang ini kerana ada sebahagian daripada kami yang telah mengikuti kursus kemahiran bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini.

"Apa yang saya harapkan adalah



Iswan Shafiq Mat Isa

Melaporkan dari PHNOM PENH, KEMBOJA

projek ini akan berterusan selaras dengan usaha kami menjadikan Kampung Ambel sebagai kampung angkat pada masa depan," katanya di sini semalam.

Bagi bekas Presiden kelab yang turut serta dalam program itu, **Abdul Alim Abdul Manaf**, 22, selain

berusaha meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat menerusi bidang pertanian, misi Kelab MyAgrosis adalah mengubah persepsi masyarakat yang hanya melihat Kemboja sebagai lokasi untuk rakyat Malaysia menghulurkan bantuan.

"Kita mahu masyarakat melihat usaha kita untuk bersama-sama membangunkan penduduk Kemboja terutamanya masyarakat Islam yang tinggal di Kampung Ambel ini," kata penuntut Fakulti Ekonomi dan Muamalat itu.

Dalam pada itu, Pengarah program, **Siti Nabilah Esrati**, 22, berkata, meskipun terpaksa mengharungi jadual yang padat, namun, komitmen yang ditunjukkan rakan-rakannya sepanjang tempoh program tersebut wajar diberi pujian.

"Alhamdulillah. Apa yang kami rancang selama lebih kurang enam bulan yang lalu akhirnya berhasil.

"Ini membuktikan, walaupun kami datang daripada fakulti berbeza yang

boleh dikatakan tidak mempunyai perkaitan secara langsung dengan bidang pertanian, namun bukan halangan sekiranya semua pihak bersatu hati untuk menjayakan program ini," katanya. - UTUSAN



MOHD. NAIM ALIMUDDIN



ABDUL ALIM ABDUL MANAF



SITI NABILAH ESRATI